



Konsep *Amthal* Hadith Rasulullah SAW: Suatu Tinjauan Awal

Nik Nur 'Amirah Amran¹
Mohd Muhiden Abd Rahman²
Nor Hazrul Mohd Salleh³

Abstrak

Artikel ini bertujuan meninjau tentang konsep *Amthal* Hadith Rasulullah SAW dari aspek bahasa dan kesusasteraan. Selain itu ia juga bertujuan melihat kepentingan *amthal* Hadith sebagai salah satu uslub dakwah yang mempunyai signifikannya yang tersendiri. Sejarah ringkas perkembangan *amthal* hadith juga akan ditinjau terutama karya-karya khusus dalam *amthal* hadith. Metod kajian kepustakaan dan analisis komparatif akan digunakan bagi memperolehi dan menganalisa data. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep *amthāl* hadith amat jelas yang bukan sahaja bertujuan memenuhi keperluan bahasa dan kesusasteraan semata-mata, tetapi lebih penting dari itu ialah ia dijadikan sebagai salah satu uslub dakwah yang berjaya mempengaruhi audien dan pendengar. Sehingga ia menjadi salah satu asbab seseorang mendapat hidayah dan petunjuk daripada Allah SWT selian menjadi panduan dalam bahasa dan kesusasteraan Arab.

Kata kunci : *amthal*, hadith, uslub, dakwah

PENGENALAN

Artikel ini akan menjelaskan tentang konsep dan teori berkenaan *amthal* hadith serta kepentingan dan signifikannya dalam konteks bahasa dan kesusasteraan dan juga dakwah. Ia juga akan meninjau secara umum tentang sejarah perkembangan *amthal* hadith serta karya-karyanya yang dikarang oleh para ulama terdahulu sama ada melalui kitab-kitab hadith sehinggalah kepada pembukuan hadith-hadith *amthal* di dalam sebuah kitab yang khusus.

Pengertian *Amthal* Hadith

Terdapat banyak definisi yang diberi ulama tentang *amthal* hadith. Antaranya Mawzah Ahmad Muhammad al-Kur yang berpegang kepada pandangan ahli linguistik dan kesusasteraan. Menurut penelitian beliau, *amthal* dari aspek bahasa, mempunyai pelbagai

¹ Calon Sarjana Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM Kuala Lumpur.

² Prof Madya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

³ Guru Bahasa Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

* *Corresponding Author*: Mohd Muhiden Abd Rahman, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, 16010 Kota Bharu, Kelantan. muhiden@um.edu.my

makna. Antaranya, adalah, yang terunggul (*al-Nazir*), sifat (*al-Sifat*), pengajaran (*al-Ibrah*), bukti atau tanda (ayat) dan hujah dan percakapan (*hujjah wa al-Hadith*)⁴. Terdapat pelbagai lagi pandangan para ulama berkenaan etimologi *amthal*. *Amthal* adalah kata jamak yang berasal daripada perkataan مثل yang bermaksud seumpama, sama atau seperti dengan sesuatu. Kalimah *mathal* digunakan Allah SWT dalam al-Quran: وَلِلَّهِ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ yang menurut Ibn al-Athir bererti “Dan bagi Allah jualah sifat yang tertinggi”. Ia⁵ bermaksud tiada Tuhan selain Allah yang menyamainya dari semua segi terutamanya dari aspek ketauhidanNya.

Sementara Ibn Manzur berpandangan bahawa, *mathal* bermaksud mengumpamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain yang sama sepertinya. Beliau juga menukilkan dalam kitabnya *al-Sihhah* bahawa *mathal* itu sesuatu yang diumpamakannya dengan apa-apa perumpamaan⁶. Ibn Sidah pula memerikan dengan ayat al-Quran: مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعدَ ٱلْمُتَّقُونَ. Berdasarkan ayat tersebut, al-Laith berkata *mathal* yang dimaksudkan adalah perkhabaran tentang syurga. Pandangan ini adalah bertepatan dengan pandangan Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur⁷. Manakala Abu Ishaq pula menyatakan ia bermaksud sifat syurga kerana Abu ‘Ali pernah mengatakan bahawa *mathal* itu suatu sifat yang tidak maklum bagi orang Arab. Sebaliknya ia hanyalah mewakili sifat syurga tersebut⁸.

Manakala dari aspek istilah, Abu Hilal al-’Askari menyatakan istilah *mathal* bermaksud seseorang yang berbicara itu ingin menghuraikan suatu makna lalu didatangkannya dengan makna yang lain⁹. Sebagai contoh : فلان نقي الثوب yang bererti: ‘Fulan telah membersihkan pakaian itu’. Maksud sebenarnya adalah beliau ingin mengatakan bahawa tiada aib pada pakaian tersebut. Bukan soal membersihkan baju itu akan tetapi demi untuk menjauhi daripada aib fulan dibimbangi akan dikatakan sebagai pengotor. Maka digunakan hal yang boleh diwakilkan (*tamthil*). Al-Baqillani juga turut sependapat dengan takrif ini¹⁰.

Abu ‘Ubayd pula membawakan maksud *mathal* adalah sama dengan (الشبه). Ibn Qutaybah juga bersetuju dengan takrif ini kerana bagi beliau *mathal* adalah bermaksud menyerupakan sesuatu dengan suatu yang lain sepertimana firman Allah SWT:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا
وَإِنْ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبِثُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ﴾

Terjemahan:

Perumpamaan orang-orang yang menjadikan benda-benda selain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang

⁴ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, *Al-Amthal Fi Al-Hadith Al-Nabawiy* (Qatar: Jami'at Qatar, 1999), 104.

⁵ Surah al-Nahl, ayat 60.

⁶ Jamaluddin Ibn Manzur, *Lisan Al-Arab*, 15 vols. (Beirut: Dar Sadir, 1993).611.

⁷ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, op.cit.105.

⁸ Jamaluddin Ibn Manzur, op.cit, 611.

⁹ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, op.cit.106.

¹⁰ Ibid.106.

membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang paling rapuh ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan. (al-Ankabut 29 : 41)

Ayat di atas bermaksud Allah mengumpamakan orang-orang kafir seperti labah-labah¹¹. Justeru, bertepatan dengan makna (الشبه) sebagaimana yang difahami oleh Abu 'Ubayd dan Ibn Qutaybah. Menurut penelitian ahli balaghah, *amthal* seolah-olah ada kaitan dengan *tashbih*, *tamthil*, *isti'arah* *tamthiliyyah*. Walaubagaimanapun, al-Kur menegaskan *amthal* tidak terkeluar daripada skop persamaan dan penyerupaan¹². Lazimnya keistimewaan *amthal* mempunyai lafaz yang ringkas, maksud yang mendalam dan kiasan yang menarik yang mencorak percakapan seseorang menjadi indah dan berkesan.

Berdasarkan pandangan beberapa ulama' berkenaan definisi *amthal*, dapat disimpulkan bahawa *amthal* adalah contoh, penyerupaan, persamaan, perumpamaan, perbandingan, sifat, pengajaran, tanda atau bukti yang merangkumi semua aspek bandingan. Selain itu, *amthal* itu sendiri terserlah dari sudut keistimewaannya yang tersendiri iaitu mengandungi makna bertepatan dengan akal manusia, lafaz yang ringkas, maksud yang mendalam dan kiasan yang menarik yang mencorak percakapan seseorang menjadi indah dan berkesan.

Sementara hadith pula bermaksud setiap apa yang dating dari Rasulullah SAW sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat. Dalam kontek *amthal* hadith ia lebih kepada perkataan Rasulullah saw sahaja. Rasulullah SAW merupakan insan agung yang paling fasih bahasa Arabnya berbanding dengan orang Arab pada zaman dahulu. Ini terbukti apabila *amthal* yang terdapat dalam hadith nabawi menjadi sebutan dan amalan dalam kalangan masyarakat Arab hingga ke hari ini¹³. Penggunaan *amthal* Rasulullah SAW secara meluas ditegaskan oleh al-Jahiz yang menyenaraikan sebanyak tujuh hadith Rasulullah SAW yang dianggap sebagai *amthal* diterima meluas menurut pandangannya¹⁴.

Al-Kur mengatakan Rasulullah SAW juga sering membacakan ayat suci al-Quran siang dan malam lalu memberi kesan kepada percakapan dan pemikiran baginda dalam mengaplikasikan metod *amthal* di mana *amthal* al-Quran terkesan dari sudut galakan, larangan, membalas hujah dan memberi cabaran. Malah baginda memahami peranan *amthal* ketika bertutur dengan Arab jahiliyyah pada waktu itu. Tidak hairanlah metod *amthal* Rasulullah SAW menjadi asbab hidayah, petunjuk dan pengajaran bertepatan dengan peranan baginda selaku guru bagi umat manusia dan murabbi ummah.¹⁵

Menurut Muhammad yang memetik daripada al-Sabbagh, Rasulullah SAW didapati menggunakan daya imaginatif (*tamthil*) melalui unsur-unsur seperti:¹⁶, *al-wasf* (pendekatan imaginasi), mengemukakan kisah, dengan cara *muwazanah* (membuat perbandingan), dengan menggunakan isyarat, gerakan atau lukisan dan membuat lakaran, dengan cara menggunakan rima dan intonasi dan dengan menggunakan kiasan. Kesemua unsur-unsur ini, bertepatan dengan pandangan al-Ramahurmuzi dalam muqaddimah

¹¹ Ibid.,107

¹² Ibid.,109.

¹³ Qathamish, *Al-Amthal Al-'Arabiyyah Dirasah Tarikhiyyah Tahliliyyah* 1.:159.

¹⁴ Abu Uthman Amru bin Bahr Al-Jahiz, *Al-Bayan Wa Al-Tabyin* (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy, 1968)., 2:9.

¹⁵ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, *op.cit.*,118.

¹⁶ Mohamad Hussin, "Elemen Bayan Dalam Amthal Rasulullah Saw.",75.

kitabnya *Amthal al-Hadith*. Beliau beliau meriwayatkan beberapa hadits Rasulullah SAW sebagai *bayān* (penjelasan), huraian dan perumpamaan bertepatan dengan metod *amthal al-Quran*¹⁷.

Kesimpulannya, *amthal* hadits merupakan suatu bentuk perumpamaan yang luar biasa tidak seperti mana-mana *amthal* yang lain. Ini kerana Rasulullah SAW membawa risalah Allah SWT untuk disampaikan kepada umat manusia agar dapat mendekatkan diri kepadaNya dan agar manusia beramal dengan ajaran Islam dalam kehidupan.

Jenis-Jenis *Amthal* Hadith

Pengkaji-pengkaji sastera *amthal* seperti Qatamish dan al-Kur menyimpulkan *amthal* hadits terbahagi kepada 2 jenis iaitu :

al-Amthal al-Qiyasiyyah (Perumpamaan Kiasan)

Amthal jenis ini disebut secara lafaz *tamthil* secara jelas. Kebiasaannya lafaz yang digunakan seperti مثل. Kebanyakannya juga ada yang didatangkan dengan lafaz lain dengan gambaran-gambaran atau sesuatu yang memberi kesan dan maksud yang seolah-olah menyerupai antara kedua-duanya. Menurut Hani, *amthal* jenis ini paling banyak digunakan oleh Rasulullah SAW¹⁸. Antaranya seperti kata-kata Nabi SAW: مَثَلُ الْجَلِيسِ

yang bererti: “Perumpamaan rakan yang baik dengan rakan yang buruk ibarat seorang penjual minyak wangi dan seorang tukang besi.”¹⁹

al-Amthal al-Mujazah al-Sairah

Amthal ini secara tradisi digunakan sempena dengan sesuatu peristiwa lalu secara tidak langsung diguna pakai dari generasi ke generasi tanpa terikat dengan kaedah *nahu* (tatabahasa Arab) sepertimana kali pertama digunakan atau hasil nukilan golongan pendeta, penyair dan pemicato²⁰. Antaranya adalah seperti sabda Rasulullah SAW : إن من سحر

البيان لسحر²¹ yang bererti: “Sesungguhnya sebahagian daripada bayan itu sihir”.

Kepentingan *Amthal* Hadith

Masyarakat Arab pada zaman jahiliyah sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW telah lama mengamalkan kesyirikan dan kezaliman. Kenyataan ini diakui sendiri oleh Ja'far bin Abi Talib bahawa mereka dahulunya menyembah berhala, memakan bangkai, memutuskan silaturrahim, mengabaikan jiran tetangga, melakukan kejahatan dan

¹⁷ al-Qadi Abi Muhammad al-Hasan bin Abdul Rahman bin Khallad al-Ramahurmuzi, *Amthal Al-Hadith*, 1 ed. (Bombay, India: Dar Salafiyyah, Oktober 1983),5.

¹⁸ Hani Taher Mohammad Husein, "The Prophetical Proverbs in Saheeh Al-Bukhari Linguistic and Syntatic Study.",19.

¹⁹ Hadith riwayat al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Abu 'Abdillah al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, ed. Mustafa Dib al-Bugha, 3 ed., 7 vols. (Beirut: Dar Ibn Kathir al Yamamah, 1993).5: 2104, No. 5214.

²⁰ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, *Al-Amthal Fi Al-Hadith Al-Nabawiyy*,111.

²¹ Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Tib, Bab Inna min al-Bayan Sihran, no. Hadith : 5767.

menindas fakir miskin²². Lalu, Allah SWT mengutuskan Rasulullah SAW bagi mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya keimanan. Hasil pentarbiyahan baginda SAW, lahirnya mereka yang dahulunya ekstrim dan menentang ajaran Islam hingga menjadi sebaik-baik umat. Firman Allah SWT:

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ۝۱۱۰﴾

Terjemahan:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

(Surah Ali-Imran 3 : 110)

Hasil pentarbiyahan ini lahir daripada ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah penuh dengan uslub yang menarik dan memberikan kesan yang mendalam kepada jiwa manusia. Antara uslub yang digunakan Rasulullah SAW adalah berbentuk *amthal* atau perumpamaan. Uslub *amthal* ini jelas dibawakan oleh baginda Rasulullah SAW di dalam hadith-hadith baginda seiring dengan pembawakan uslub *amthal* dalam al-Quran.

Pembawakan uslub *amthal* memberi pengaruh besar dan mampu memberi kesan yang hebat dalam menyampaikan wahyu dan menerangkan Islam kepada umat manusia. Antara kelebihan uslub *amthal* hadith ini adalah :

Mampu menjelaskan makna yang sebenar sesuatu yang asbtrak dengan memberi gambaran perumpamaan yang digunakan. Contohnya hadith Rasulullah SAW :

إِنَّ أَهْلَ الْجَنَّةِ يَرَوْنَ أَهْلَ الْعَرْشِ مِنْ فَوْقِهِمْ كَمَا يَرَوْنَ الْكَوْكَبَ الدُّرِّيَّ
الْعَابِرَ فِي الْأَفْقِ مِنَ الْمَشْرِقِ أَوْ الْمَغْرِبِ لِتَفَاضُلِ مَا بَيْنَهُمْ²³

Hadith ini menerangkan darjat ahli syurga berdasarkan amalan mereka semasa hidup di dunia. Di sana terdapat kedudukan kamar yang tinggi. Persoalannya, sejauh mana dan bagaimana mereka saling berpandangan? Lalu, Rasulullah menggunakan perumpamaan

²² Ibn Hisyam, *Al-Sirah Al-Nabawiyah*, 3 ed., vol. 1 (Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-'Arabiyy, 1990). h.362

²³ Hadith riwayat al-Bukhari di dalam sahihnya [Kitab Bad' al-Khal (بَابُ مَا جَاءَ فِي صِفَةِ الْجَنَّةِ وَأَهْلِهَا مَخْلُوقَةً), No. hadith 3083] lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* (Beirut, Dar Ibn Kathir, 1993), 1188.

seperti mereka memandang bintang di langit yang terbit di ufuk timur atau barat. Perumpamaan ufuk timur dan barat menggambarkan betapa jauhnya kedudukan darjat amalan mereka yang diberi kemuliaan oleh Allah SWT. Selain itu, penggunaan kalimah يتراؤون menggambarkan ahli syurga dan penghuni kamar yang saling berpandangan antara mereka²⁴. Oleh itu, pembaca dapat memahami bagaimana situasi kedudukan ahli syurga tersebut dengan penghuni kamar dari atas mereka. Pemahaman tentang perkara ghaib seperti ini sudah tentu mustahil untuk diterangkan melainkan dengan pendekatan gambaran di dalam fikiran pembaca menerusi penggunaan *amthal*.

Mengandungi unsur targhib dan tarhib. Rasulullah SAW sering memasukkan elemen galakan dan ancaman di dalam sabdanya bagi menyampaikan suruhan dan larangan yang diperintahkan Allah SWT. Contohnya seperti di dalam hadith riwayat Abu Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW berikut :

إِذَا كَانَ يَوْمُ الْجُمُعَةِ كَانَ عَلَى كُلِّ بَابٍ مِنْ أَبْوَابِ الْمَسْجِدِ مَلَائِكَةٌ
يَكْتُبُونَ الْأَوَّلَ فَأَلَّوْلَ فَإِذَا جَلَسَ الْإِمَامُ طَوَّأُوا الصُّحُفَ وَجَاءُوا يَسْتَمِعُونَ
الدَّكْرَ وَمَثَلُ الْمُهْجِرِ كَمَثَلِ الَّذِي يُهْدِي الْبَدَنَةَ ثُمَّ كَالَّذِي يُهْدِي بَقْرَةً ثُمَّ
كَالَّذِي يُهْدِي الْكَبْشَ ثُمَّ كَالَّذِي يُهْدِي الدَّجَاجَةَ ثُمَّ كَالَّذِي يُهْدِي
الْبَيْضَةَ²⁵

Hadith ini memberi gambaran tentang bentuk ganjaran orang yang menuju ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat bermula daripada orang yang pertama hingga yang terakhir. Perumpamaan digunakan bermula daripada sebesar-besar seekor unta sehingga sekecil-kecil sebiji telur. Dengan itu, pendengar dapat memahami bahawa Rasulullah SAW memberi galakan kepada mereka dalam bentuk *amthal* yang mudah untuk difahami sekaligus meransang mereka untuk berlumba-lumba membuat kebaikan.

Menguatkan hukum. Rasulullah SAW juga menggunakan *amthal* bagi menguatkan hukum-hakam di dalam al-Quran. Sebagai contoh di dalam hadith Ibn Shihab berkata :

" يُصَلَّى عَلَى كُلِّ مَوْلُودٍ مُتَوَقِّئًا، وَإِنْ كَانَ لِعَيَّةٍ مِنْ أَجْلِ أَنَّهُ وُلِدَ عَلَى فِطْرَةِ
الْإِسْلَامِ يَدَّعِي أَبَوَاهُ الْإِسْلَامَ أَوْ أَبُوهُ خَاصَّةً، وَإِنْ كَانَتْ أُمُّهُ عَلَى غَيْرِ
الْإِسْلَامِ إِذَا اسْتَهَلَ صَارِحًا صُلِّيَ عَلَيْهِ وَلَا يُصَلَّى عَلَى مَنْ لَا يَسْتَهِلُ مِنْ
أَجْلِ أَنَّهُ سَقَطَ، فَإِنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَانَ يُحَدِّثُ، قَالَ النَّبِيُّ " :مَا
مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

²⁴ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, *op.cit*,122.

²⁵ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jum'ah, Bab Fadl al-Tahjir Yawm Jum'ah, no. Hadith 850

كَمَا تُنْتَجُ الْبَهِيمَةُ بِهَيْمَةٍ جَمْعَاءَ، هَلْ تُحْسُونَ فِيهَا مِنْ جَدْعَاءَ "، ثُمَّ يَقُولُ
أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا²⁶

Dalam hadith ini, Rasulullah SAW menggunakan perumpamaan binatang yang lahir tanpa cacat cela bagi menguatkan bahawa bukti setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu Islam. Justeru, Kelebihan *amthal* ini berkesan menjelaskan suatu yang maknawi itu dalam bentuk jisim yang boleh difahami bagi menguatkan dalil yang termaktub di dalam al-Quran²⁷.

Berdasarkan kelebihan *amthal* yang terdapat di dalam hadith-hadith Rasulullah, jelas bahawa baginda diutus dengan kelebihan baginda yang mampu menjelaskan dengan ringkas tetapi tersirat pelbagai maksud iaitu *jawami'ul kalim* seperti yang diakui oleh baginda sendiri di dalam hadith bahawa Abu Hurairah RA berkata : Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"بُعِثْتُ بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ، وَنُصِرْتُ بِالرُّعْبِ، وَبَيْنَا أَنَا نَائِمٌ أُتِيتُ بِمَفَاتِيحِ خَزَائِنِ
الْأَرْضِ فَوَضَعْتُ فِي يَدَيَّ "، قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: وَبَلَّغَنِي أَنَّ جَوَامِعَ الْكَلِمِ،
أَنَّ اللَّهَ يَجْمَعُ الْأُمُورَ الْكَثِيرَةَ الَّتِي كَانَتْ تُكْتَبُ فِي الْكُتُبِ قَبْلَهُ فِي الْأَمْرِ
الْوَاحِدِ وَالْأَمْرَيْنِ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ²⁸

Terjemahan:

Aku diutus dengan membawa *jawami' al-kalim*, dan aku diberi pertolongan dengan rasa takut yang dihunjamkan dalam dada-dada musuhku, dan ketika aku tidur, aku diberi kunci-kunci perbendaharaan bumi, dan diletakkan pada kedua tanganku. Abu 'Abdullah mengatakan, dan sampai berita kepadaku bahawa makna *jawami' al-kalim* ialah, Allah menghimpun sekian banyak masalah yang pernah ditulis dalam kitab-kitab suci sebelumnya dalam satu masalah atau dua masalah, atau seperti itu.

Dengan kelebihan *jawami'ul kalim* yang dimiliki Rasulullah SAW, para sahabat terus-menerus berusaha menghimpunkan hadith-hadith demi menjaga keautoritian hadith Rasulullah SAW daripada digugat berikutan berlaku pelbagai fitnah. Bermula daripada para Khulafa' al-Rasyidin, sahabat, tabi'in, tabi' tabi'in hingga ke hari ini telah dilakukan

²⁶ Hadith riwayat al-Bukhari di dalam Sahihnya [Kitab al-Janaiz, (باب إذا أسلم الصبي فمات هل يصلى عليه) , No. hadith 1292/1293] Lihat Abu 'Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, Sahih Bukhari (Beirut, Dar Ibn Kathir, 1993), 456.

²⁷ Izzuddin 'Ali al-Sayyid, *Al-Hadith Al-Nabawi Al-Syarif Min Wijhati Balaghiyyah* (Beirut: Dar Iqra', 1984), h.244.

²⁸ Hadith riwayat al-Bukhari dalam sahihnya [Kitab al-Ta'bir (باب المفاتيح في اليد) , No. hadith 6611] Lihat Abu Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, op.cit. 2573.

pengumpulan, syarahan, tahqiq, ringkasan dan sebagainya bagi menyebarkan islam kepada seluruh manusia.

SEJARAH RINGKAS AMTHAL HADITH

Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat beberapa kitab *amthal* hadith yang telah dikarang oleh para ulama dan sarjana terdahulu. Ada dalam kalangan mereka menghimpun, *mentah{qiq*, mensyarah dan meringkas dalam pelbagai metode penulisan tersendiri. Ada juga di antara mereka yang mencampur-adukkan himpunan *amthal* hadith dan *amthal* Arab .

Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan susur galur penulisan kitab *amthal* hadith khususnya mengikut dua subtopik. Topik pertama, penulisan sudut pandang kitab-kitab hadith. *Amthal* hadith ketika ini masih belum dibukukan secara khusus dan ada dihimpunkan di dalam satu bab seperti *Sunan al-Tirmidhi*. Topik kedua, kitab-kitab himpunan *amthal* hadith secara khusus.

Penulisan Yang Mengumpulkan Hadith *Amthal* Bersama Dengan Hadith Yang Lain

Amthal hadith pada zaman awal masih belum dibukukan dalam suatu tempat yang khusus. Ianya masih bercampur bersama hadith-hadith yang lain di dalam bab-bab tertentu di dalam kitab hadith sahih yang terulung selepas al-Quran iaitu Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Di dalam kedua-dua kitab ini, Imam al-Bukhari dan Imam Muslim lebih menjurus ke arah pembahagian penyusunan dalam skop fiqh. Kemudian diringkaskan oleh penulis-penulis kitab sunan seperti Imam al-Tirmidhi, Abu Dawud, Ibn Majah dan al-Nasa'i berdasarkan hadith-hadith *ahkam* mengikut topik-topik tertentu.

Manakala para ulama yang lain menyusun hadith-hadith berdasarkan susur galur perawi-perawi daripada para sahabat RA yang mengarang *musnad* seperti *Musnad Ahmad*. Imam al-Tirmidhi telah menyusun hadith-hadith mengikut topik-topik fiqh atau *abwab* fiqh. Disitulah beliau telah menghimpunkan sebanyak 14 hadith-hadith *amthal* . Hanya beliau sahaja yang menyusun bab *amthal* dalam satu bab khusus berbanding *al-kutub al-sittah* yang lain²⁹.

Kemudiannya diikuti oleh al-Suyuti yang telah menghimpunkan hadith-hadith yang dinamakan *al-Jami' al-Kabir*. Hadith *amthal* tersebut mula disusun secara teratur oleh beliau secara berturutan kerana terdapat hadith-hadith Rasulullah SAW yang bermula dengan kalimah "*mathal*" (مثل) sebanyak 42 *amthal* ³⁰.

Pada ketika ini, tiada lagi inisiatif untuk membukukan dan menghimpunkan di dalam satu kitab dan rata-ratanya hadith-hadith *amthal* masih bercampur dalam pecahan bab yang berbeza-beza. Al-Kur juga berpandangan sebaliknya daripada pemilik *al-kutub al-sittah* tidak meletakkan dalam suatu kitab yang lain secara khusus³¹.

Penulisan Yang Menulis Dan Mengumpul Hadith *Amthal* Secara Khusus Dalam Sebuah Kitab atau Buku

Menurut kajian Hani Taher, individu yang mula mempelopori penulisan kitab-kitab *amthal* adalah kitab *al-Amthal* karangan Abu 'Ubayd al-Qasim bin Salam dan kitab

²⁹ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, *op.cit* h.115

³⁰ Hani Taher Mohammad Husein, *op.cit.*, h. 24

³¹ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, *op.cit.* h.115

Majma' al-Amthal karangan Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim al-Naysaburi al-Maydani. Abu 'Ubayd al-Qasim bin Salam telah membukukan kitab *amthal* Rasulullah SAW sebanyak 30 hadith. Kesemua hadith tersebut adalah hadith *marfu'*³².

Antara penulis kitab yang lain adalah kitab *al-Amthal Min al-Kitab wa al-Sunnah* karangan al-Hakim al-Tirmidhi. Beliau telah menghimpunkan sebanyak 27 hadith *amthal* sahaja. Jumlah ini hanya berskala kecil daripada buku tersebut sekaligus tidak bersesuaian dengan tajuk buku yang dikarang beliau kerana sebahagian besar kitab beliau dihimpunkan *amthal* para hukama' termasuklah daripada al-Ramahurmuzi. Tegas Hani, kitab tersebut sepatutnya bertajuk *Rasa'il Hakim al-Tirmidhi*. Kebanyakan penulis kitab hadith juga berpandangan bahawa kitab tersebut tidak didatangkan *sanad* hadith malah juga darjat hadith-hadith yang dikumpulkan tidak diketahui³³. Walaubagaimanapun, usaha ke arah menghimpunkan hadith *amthal* tetap dimasukkan bersama merupakan suatu usaha murni dari penulis kitab agar berlaku kesinambungan kitab-kitab lain dalam menghimpunkan dan mentadabbur kitab-kitab hadith *amthal*.

Seterusnya Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim al-Naysaburi al-Maydani mengarang kitabnya *Majma' al-Amthal*. Usaha beliau sewajarnya dipuji kerana beliau turut menyelitkan *amthal* Rasulullah SAW dalam kitab beliau sekaligus memberi suatu inspirasi bagi meninggikan martabat hadith khususnya hadith-hadith *amthal* dalam dunia akademik dan untuk disebarkan kepada masyarakat Islam. Malahan, kitab tersebut mempunyai ciri-ciri yang lengkap yang memudahkan semua golongan yang ingin memahami *amthal* Arab. Apa yang lebih menarik, al-Maydani telah membahagikan bab-bab *amthal* mengikut turutan hadith Rasulullah SAW, seterusnya *amthal* Khulafa' al-Rasyidin dan akhirnya *amthal* salafus soleh³⁴.

Seterusnya kitab *al-Amthal al-Nabawiyyah* oleh Abu al-Hasan 'Ali bin Sa'id al-'Askariy (wafat pada tahun 315H atau 313H). Beliau telah menghimpunkan sebanyak 1000 buah *amthal* hadith di dalamnya.

Kemudiannya, *Amthal al-Hadith* SAW oleh Hasan bin Khallad Al-Ramahurmuzi (wafat pada tahun 360H). Beliau telah menghimpunkan sebanyak 140 buah hadith *amthal*. Di dalamnya beliau telah membahagikan kepada 7 juzuk kecil. Kitab ini dikatakan terbaik pada zamannya berbanding kitab karangan *al-Asbahani* kerana Al-Ramahurmuzi mendatangkan hadith-hadith yang *bersanad* dan juga bersama syarah kepada kalimah-kalimah yang kurang difahami secara literal. Kitab ini juga bermanfaat kerana beliau tidak hanya menghimpunkan sahaja malah di sokong juga dengan contoh-contoh daripada ayat al-Quran al-Karim, hadith Rasulullah SAW yang berkaitan dan juga bait-bait syair. Muhammad Jabir al-'Ulwani juga berpendapat bahawa kitab ini merupakan kitab yang terawal dalam penulisan hadith-hadith *amthal* di dalam sebuah kitab yang khusus³⁵. Atas justifikasi ini menyebabkan penulis ingin mengkaji kitab beliau.

Terdapat juga kitab turath *amthal* hadith yang terdahulu yang telah dikarang antaranya oleh Abu Hilal al-Hasan bin 'Abdullah bin Sahl al-'Askariy (wafat pada tahun 395H atau ada yang mengatakan selepas tahun tersebut). Kitabnya bertajuk kitab *al-Amthal al-Nabawiyyah*. Menurut al-Maydani, kitab beliau tidak begitu mantap dari sudut pendahuluan, kaedah dan asas-asasnya kerana buku tersebut lebih kepada idea al-'Askariy sendiri³⁶.

³² Hani Taher Mohammad Husein, op.cit, h. 24

³³ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, op.cit h. 113

³⁴ Abu al-Fadl Ahmad bin Muhammad al-Naisaburi al-Maydani, *Majma' Al-Amthal* (Lubnan: Maktabah al-'Asriyyah, 2007).

³⁵ Muhammad Jabir Fayyadh al-'Ulwani, *Al-Amthal Fil Hadith Al-Nabawi Al-Syarif*. h.46

³⁶ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, op.cit. h. 113

Abu al-Shaikh al-Asfahani pula mengarang kitab *al-Amthal fi al-Hadith al-Nabawi*. Beliau seringkali digelar Abi al-Shaikh al-Asbahani dalam kebanyakan penulisan mengenainya. *Amthal* hadith di dalam kitab beliau terbahagi kepada dua iaitu *amthal al-sairah* dan *amthal al-tamthil*. Terdapat juga *amthal* daripada hukama' di akhir kitab beliau. Al-Asfahani juga menyatakan *sanad* pada *amthal* yang dihimpunkan akan tetapi tidak disertakan bersama syarah dan penjelasan darjat hadith³⁷.

Seterusnya Muhammad bin Salamah al-Khuda'i (wafat pada 454H) mengarang kitab *al-Shihab fi al-Mawa'iz wal al-Adab*. Beliau mengumpulkan hadith-hadith secara *sima'i* seterusnya membukukannya. Beliau menulis hikmah-hikmah, wasiat, adab-adab serta pesanan-pesanan dan juga perumpamaan (*amthal*). Kitab beliau tidak disertakan sanad dan bab disusun mengikut sebutan lafaz yang hampir. Kitab beliau dikenali sebagai *Musnad Shihab*³⁸.

PENUTUP

Berdasarkan konsep *amthal* yang telah dijelaskan berdasarkan pengertian, jenis-jenis dan kepentingannya, jelaslah bahawa *amthal* dalam hadith adalah suatu bidang yang wajib diterokai lagi kerana *amthal* hadith adalah suatu prosa kata yang sangat istimewa lebih-lebih lagi yang disabdakan oleh Rasulullah SAW. Baginda tidak mereka-reka katanya sendiri bahkan ianya merupakan wahyu daripada Allah Azza wa Jalla. Selain itu, berlaku perkembangan yang pesat dalam penulisan hadith pada kurun terdahulu menunjukkan kesungguhan para ulama' dan sarjana dalam memelihara autoriti hadith termasuklah *amthal* hadith. Pengaruh *amthal* kepada akal manusia menjadikan ianya faktor penarik untuk direnungi dan dihayati bagi memahami tugas-tugas sebagai khalifah di muka bumi ini.

RUJUKAN

Abu al-Fadl Ahmad bin Muhammad al-Naisaburi al-Maydani, *Majma' Al-Amthal* (Lubnan: Maktabah al-'Asriyyah, 2007).

Abu Muhammad 'Abdullah bin Muhammad bin Ja'far bin Hayyan, *Al-Amthal Fi Al-Hadith Al-Nabawi* (Bombay, India: al-Dar al-Salafiyyah, 1982).

Abu Muhammad al-Qadi al-Hasan bin Abdul Rahman bin Khallad al-Ramahurmuzi, *Amthal Al-Hadith*, 1 ed. (Bombay, India: Dar Salafiyyah, Oktober 1983).

Abu Uthman Amru bin Bahr Al-Jahiz, *Al-Bayan Wa Al-Tabyin* (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, 1968).

al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Abu 'Abdillah al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, ed. Mustafa Dib al-Bugha, 3 ed., 7 vols. (Beirut: Dar Ibn Kathir al Yamamah, 1993).

Hani Taher Mohammad Husein, "The Prophetical Proverbs in Saheeh Al-Bukhari Linguistic and Syntatic Study."

Ibn Hisyam, *Al-Sirah Al-Nabawiyyah*, 3 ed., vol. 1 (Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1990).

³⁷ Abu Muhammad 'Abdullah bin Muhammad bin Ja'far bin Hayyan, *Al-Amthal Fi Al-Hadith Al-Nabawi* (Bombay, India: al-Dar al-Salafiyyah, 1982).13

³⁸ Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, *op.cit.* h.114

Izzuddin 'Ali al-Sayyid, *Al-Hadith Al-Nabawi Al-Syarif Min Wijhati Balaghiyyah* (Beirut: Dar Iqra', 1984).

Jamaluddin Ibn Manzur, *Lisan Al-Arab*, 15 vols. (Beirut: Dar Sadir, 1993).

Mawzah Ahmad Muhammad Al-Kur, *Al-Amthal Fi Al-Hadith Al-Nabawiy* (Qatar: Jami'at Qatar, 1999).

Mohamad Hussin, "Elemen Bayan Dalam Amthal Rasulullah SAW.(tt).

Muhammad Jabir Fayyadh al-'Ulwani, *Al-Amthal Fil Hadith Al-Nabawi Al-Syarif*.

Qathamish, *Al-Amthal Al-'Arabiyyah Dirasah Tarikhiyyah Tahliliyyah* (tt).